

ELEMEN PSIKO-SPIRITUAL DALAM MENANGANI DELINKUENSI REMAJA

Intan Farhana Saparudin¹, (Siti Nabilah Che Soh ²)

¹ Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

² Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

ABSTRAK

Tingkah laku tidak bermoral bermula dengan perbuatan melanggar peraturan, undang-undang atau norma masyarakat dikenali sebagai delinkuen dalam kalangan remaja bawah umur manakala bagi golongan belia adalah tingkah laku devian atau jenayah. Situasi tersebut menyebabkan kemudaratannya kepada komuniti dan persekitarannya. Gejala tersebut yang menjadi kebiasaan dan tidak dibendung akhirnya membawa kepada jenayah yang lebih berat sama ada merompak, membunuh, seks bebas, pembuangan bayi dan penagihan dadah. Keadaan ini mengganggu ketenteraman awam dan keharmonian sosial yang menjadi tanggungjawab kepada setiap ahli masyarakat untuk menyelamatkan remaja ini dari terus terjerumus ke kancalah yang lebih merbahaya. Justeru artikel ini membincangkan elemen psiko-spiritual menurut perspektif Islam yang dapat diketengahkan sebagai langkah menangani gejala delinkuensi remaja. Dalam mencapai objektif tersebut kaedah analisis kandungan (*content analysis*) dilakukan dengan metode pengumpulan data secara analisis dokumen. Hasil penelitian mendapat terdapat beberapa elemen psiko-spiritual yang dapat berperanan dalam menangani tingkah laku delinkuen remaja antaranya elemen ibadah dan penyucian jiwa (*tazkiyah al-nafs*). Oleh itu implikasi penulisan artikel ini diharapkan dapat memberi sumbangan dalam perawatan gejala delinkuensi remaja dengan penekanan terhadap elemen spiritual mereka.

Kata kunci: elemen, psiko-spiritual, remaja, delinkuensi.

PENDAHULUAN

Tingkah laku delinkuen bermula dengan kesalahan ringan seperti ponteng, melanggar peraturan sekolah, menghisap rokok, gangsterisme, buli dan sehingga ke tahap kesalahan berat seperti seks luar nikah, melahirkan anak luar nikah, menagih dadah, rogol dan sebagainya. Remaja yang melanggar norma masyarakat setempat dikenali sebagai kumpulan yang bertingkah laku devian dan apabila golongan ini masih bersekolah atau bawah umur ia dikenali sebagai delinkuen. Devian atau delinquent adalah tingkah laku yang melanggar peraturan atau bertingkah laku yang tidak dapat diterima oleh masyarakat (Buerah Tunggak et.al 2015). Menurut Laporan Sektor Pembangunan Kemanusiaan Unit Hal Ehwal Murid (Kementerian Pelajaran Malaysia 2013), sepuluh jenis tingkah laku jenayah dalam kalangan murid menengah dan rendah ialah berunsur jenayah, berunsur kelucahan, kekemasan diri, tidak pentingkan masa, kurang sopan, laku musnah, ponteng sekolah, kenakalan, buli dan menghisap rokok.

Kajian ‘Gejala Sosial di kalangan Belia Malaysia’ oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia yang dilaksanakan ke atas 2,403 responden, menunjukkan sebanyak 94.0 peratus atau 2,249 responden pernah melakukan sekurang-kurangnya sekali dalam tingkah laku berisiko atau delinkuen. Manakala selebihnya sebanyak 6.0 peratus atau 154 responden mengatakan tidak pernah melakukan perkara tersebut. Kajian ini telah dilaksanakan ke atas 5,016 responden yang berisiko terdiri daripada kelompok Generasi Y (umur belia dari 15 hingga 28 tahun). Dapatkan kajian tersebut juga menemui sebanyak 76.0 peratus responden mempunyai rakan yang pernah menonton video atau

bahan lucah dan sebanyak 52.0 peratus responden menyatakan bahawa penglibatan rakan mereka terhadap salah laku hubungan seks luar nikah. Manakala sebanyak 38.0 peratus mengakui rakan mereka pernah mengandung sebelum berkahwin. Daripada 2,249 responden yang terlibat dalam tingkah laku berisiko, seramai 809 responden belia menyatakan mereka menghisap rokok. Daripada jumlah 809 orang tersebut, sebanyak 29.0 peratus menyatakan mereka menghisap rokok disebabkan pengaruh rakan sebaya dan sifat ingin mencuba di samping menghisap rokok dapat memberi kepuasan dalam diri mereka.

Senario yang berlaku menjadi tanggungjawab kepada setiap lapisan masyarakat untuk memberi kerjasama, bantuan dan cadangan demi menyelamatkan generasi muda dari gejala yang merosakkan dan meruntuhkan seterusnya menghalang pembinaan jati diri masyarakat yang unggul. Jika ditinjau kadar peningkatan krisis akhlak dan moral golongan remaja di Malaysia semakin menjadi kerisauan apabila statistik menunjukkan jumlah kes jenayah melibatkan pesalah juvana meningkat sebanyak 111 peratus dalam tempoh setahun (Harian Metro 2015). Khaidzir Ismail (2011), berpandangan pendekatan pencegahan dan intervensi boleh dilakukan melalui intervensi keluarga iaitu keluarga yang dibina berdasarkan agama dan ibu bapa menunjukkan contoh terbaik dalam mentarbiah ahli keluarga. Che Zarrina Sa'ari & Sharifah Basirah Syed Muhsin (2012) dalam kajian mereka mencadangkan agar rawatan pemulihan atau psikoterapi remaja harus diterapkan elemen keagamaan dalam pembangunan jiwa dan spiritual. Ini kerana ia boleh memberi impak terhadap pembentukan perilaku, tindakan dan keputusan remaja disebabkan sifat agama yang menyediakan ketenangan dan kebahagiaan atau dalam erti kata yang lain unsur spiritual yang menjadi keperluan setiap insan. Masalah kejiwaan dan ketandusan spiritual manusia di zaman yang serba mencabar ini dapat diatasi jika mereka kembali kepada agama dan mengamalkan ajaran Islam yang sebenar.

TUJUAN DAN KAEADAH KAJIAN

Kertas kerja ini bertujuan mengenal pasti elemen psiko-spiritual Islam menurut pandangan tokoh psikologi Islam dan Barat yang dapat dikemukakan satu kerangka bimbingan yang holistik mencakupi bimbingan secara psikologi dan spiritual terhadap remaja delinkuen. Metode kajian adalah dengan kaedah analisis kandungan (content analysis) dan kajian kepustakaan. Analisis kandungan meneliti dokumen dan tinjauan literatur mengenai aspek-aspek psiko-spiritual yang dapat diketengahkan sebagai langkah bimbingan terhadap tingkah laku delinkuen remaja. Secara teori, analisis kandungan menurut Sabitha Marican (2005) ialah satu bentuk kaedah penyelidikan kuantitatif yang membuat penghuraian secara objektif, sistematik dan kuantitatif bagi suatu kandungan tersurat yang terdapat dalam bentuk komunikasi yang merupakan mesej yang telah dicetak, disiarkan atau digambarkan. Dengan kaedah kajian yang digunakan dapat dinyatakan kerangka bimbingan psiko-spiritual menurut pandangan psikologi Islam dan Barat yang dapat diaplikasikan terhadap remaja delinkuen.

ELEMEN PSIKO-SPIRITUAL TERHADAP REMAJA DENGAN GEJALA DELINKUENSI

Delinkuensi secara tipikalnya merujuk kepada mana-mana aktiviti yang salah atau konflik dengan norma sosial dan ada kalanya ia berkait dengan tingkah laku keganasan dan anti sosial. (Khaidzir Ismail 2011). Tingkah laku delinkuen merujuk kepada tingkah laku remaja yang melanggar peraturan atau undang-undang. Remaja dengan gejala delinkuensi diadili menurut Akta Kanak-Kanak 2001. Jika mereka didapati bersalah atas tuduhan delikuensi, mereka boleh dikenakan hukuman termasuklah perintah percubaan, ditempatkan di asrama akhlak atau Sekolah Tunas Bakti (STB). Namun bagi kesalahan

jenayah berat seperti pembunuhan, pematian salah yang bukan pembunuhan atau cubaan membunuh remaja boleh dihukum dengan hukuman pemerintahan atau dihantar ke Sekolah Henry Gurney (Norruzeyati & Norzalinda 2015).

Salah satu aspek yang menjadi penyumbang kepada tingkah laku delinkuensi dalam kalangan remaja ialah faktor internal individu iaitu persepsi mereka terhadap tindakan delinkuen, keadaan pengalaman hidup yang melibatkan emosi dan reaksi terhadap sesuatu situasi. Remaja delinkuen didapati mempunyai zaman kanak-kanak yang tidak menggembirakan sama ada pernah didera secara fizikal dan/atau seksual, berperasaan negatif terhadap sesuatu situasi, dan pandangan bahawa masalah delinkuensi sebagai satu perkara semulajadi dalam kehidupan remaja, bersifat sementara dan mereka melakukannya atas sebab-sebab tertentu. Kajian oleh Norruzeyati & Norzalinda (2015) berdasarkan temubual dengan remaja di Asrama Akhlak Perempuan mendapati terdapat enam jenis kegiatan delinkuen yang sering dilakukan oleh remaja iaitu melepak, lari dari rumah, melakukan hubungan seks, penyalahgunaan bahan, terlibat dalam geng atau kumpulan dan mencuri.

Intervensi bercorak keagamaan dan spiritual atau ‘spiritual guidance’ yang menekankan nilai ketuhanan, amalan ibadah dan akhlak di samping mengimbangkan faktor psikologi untuk saling menguatkan dapat menjadi langkah intervensi kepada gejala delinkuen remaja. Ini berdasarkan penelitian terhadap kajian penghuni Rumah Perlindungan Wanita dengan salah laku seksual, jenayah dan masalah sosial oleh Khairul Hamimah dan rakan-rakan (2014), didapati gabungan elemen spiritual dan agama dalam modul psikospiritual menjadi instrumen yang mampu merangsang dan memulihkan akhlak penghuni. Selain terdapat hubungan antara pengaruh agama dan spiritual dengan perubahan sikap dan akhlak penghuni. Menurut Buerah Tunggak (2015), apabila dikaji antara faktor yang menyebabkan remaja terjerumus kepada tingkah laku delinkuen adalah kerana kurangnya pendidikan agama terutama perkara asas seperti solat dan membaca al-Quran di samping kekurangan perhatian dan kasih sayang ibu bapa.

Dalam kajian pemulihan masalah penagihan dadah oleh Mohd Rushdan & Ahmad Bukhari (2015) mendapati terdapat beberapa elemen terapi yang diketengahkan dalam kajian tersebut dari sudut psiko-spiritual terhadap pemulihan dadah iaitu aplikasi taubat terpimpin, aplikasi penyucian nafsu dan jiwa, aplikasi penyerahan diri kepada tuhan, aplikasi mengenali hakikat diri dan erti kehidupan dan aplikasi beramal dengan nilai-nilai mulia. Terapi yang dicadangkan menyarankan konsep rawatan yang berterusan dengan gabungan aspek rohani dan jasmani melalui usaha doa dan tawakal yang berterusan. Pendekatan yang diutarakan oleh Mohd Rushdan & Ahmad Bukhari (2015) bersesuaian dalam memenuhi klien atau pelatih dengan masalah penagihan dadah tetapi belum ada implementasi terhadap remaja delinkuen yang lebih mencapai gejala dan masalah mereka. Selain itu terapi ini tidak mencadangkan terapi secara intensif dalam memandu mental dan psikologi secara khusus untuk individu.

Patonah Zakaria dan rakan-rakan dalam kajian mereka mendapati seramai (53.4%) orang responden mempunyai rekod negatif iaitu pernah terlibat dalam masalah salah laku di sekolah. Kajian terhadap 266 orang responden yang terdiri daripada pelajar tingkatan satu, dua dan empat daripada kelas tercorot dan juga kelas depan di sekolah terpilih di daerah Kuala Terengganu menunjukkan penglibatan responden dalam tingkah laku ponteng samada ponteng kelas atau sekolah mempunyai peratusan yang paling tinggi iaitu sebanyak (68.3%) orang. Sebaliknya, tingkah laku mencuri seperti barang bernilai dari kedai atau pihak lain menunjukkan peratusan penglibatan yang paling rendah iaitu sebanyak (9.9%) responden sahaja. Selain itu, bagi salah laku menipu dalam peperiksaan

didapati sebanyak (66.2%) pelajar responden pernah terlibat dalam aktiviti tersebut. Walaubagaimanapun, bagi salah laku menyembur atau menconteng cat pada dinding dilaporkan (14.1%) responden sahaja pernah terlibat dalam kegiatan tersebut. Begitu juga dengan tingkah laku menyelinap masuk ke tempat awam tanpa kebenaran dan memusnahkan harta benda awam, peratusan penglibatan adalah juga pada tahap yang rendah yang mana peratusan yang dilaporkan masing-masing adalah sebanyak (10.6%).

Jika dilihat kepada peratusan yang dinyatakan boleh dikatakan setiap kesalahan disiplin dan moral wujud dan berlaku dalam kalangan remaja di sekolah. Kesalahan yang melanggar nilai moral dan peraturan ini jika tidak dikawalselia, dikuatkuasa dan diberi pencegahan sepatutnya, dikhawatirinya membawa kepada pembentukan tingkah laku devian yang lebih kritikal dan merbahaya seperti kesalahan juvana dan jenayah. Kajian yang pernah dilakukan dalam memberi fokus terhadap intervensi dalam konteks penghayatan agama adalah model pembangunan sahsiah pelajar/remaja Muslim bersepadu terhadap delinkuen pelajar yang menerapkan beberapa elemen antaranya pengamalan ajaran Islam, peranan ibu bapa dan keluarga, sistem pendidikan yang berkesan, penguatkuasaan undang-undang, institusi sosial dan sekolah (Buerah Tunggak et.al 2015). Namun model pembangunan yang diketengahkan tidak memberi penekanan terhadap dimensi psiko-spiritual secara mendalam atau secara khususnya elemen psikologi dan spiritual berdasarkan pandangan tokoh psikologi Islam dan Barat. Dalam bidang ilmu psikologi, tujuan psikologi adalah untuk memahami dan meramal tingkah laku manusia seterusnya mempengaruhi mereka kepada tingkah laku yang ingin dicapai. (Mahmood Nazar 2001). Disebabkan itu psikologi berperanan mengubah atau mempengaruhi individu daripada satu keadaan kepada keadaan yang lain. Penekanan terhadap konsep kendiri, lokus kawalan dan psikososial individu adalah aspek yang penting dalam pengurusan tingkah laku delinkuen. Intervensi psikologi menurut Smith (2012) merupakan campur tangan pemulihan dari sudut kesihatan mental dengan disokong dan dipandu oleh kaedah dan teori psikologi. Ia bertujuan meningkatkan fungsi biopsikososial individu dan disampaikan melalui satu hubungan terapeutik yang berstruktur.

Pendekatan spiritual dalam psikologi Islam cuba berhubungan dengan aspek dan perilaku jiwa manusia dengan tujuan membentuk kualiti diri yang lebih sempurna dan mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat (Abdul Mujib & Jusuf Mudzakir 2002). Dari satu sudut, matlamat psikologi melalui bimbingan rohaniah juga untuk meningkatkan kerohanian diri, membentuk kesedaran diri, membantu untuk memahami ekspresi diri dan mengarahkan kepada kehidupan yang lebih baik dengan corak ketuhanan atau rabbaniyyah (Ahmad Yasser 2009). Unsur-unsur ini iaitu psikologi dan spiritual apabila digabung jalankan menghasilkan satu modul intervensi yang seimbang dan holistik. Mohd Rushdan & Ahmad Bukhari (2015) menyatakan, terapi yang berunsur psikospiritual adalah satu terapi yang menggabungkan unsur psikologi dan kerohanian yang boleh diaplikasikan terhadap pelbagai konflik jiwa dan emosi. Ia berperanan untuk membangkitkan aspek kerohanian individu sehingga mampu menjadi penawar secara natural. Dalam pengurusan masalah dadah umpamanya, kekuatan kerohanian seseorang boleh menjadi rawatan dan pemulihan kepada seorang penagih dadah.

Istilah psikospiritual jika ditinjau pengertian dalam Kamus Dewan (2002) adalah gabungan perkataan psikologi dan spiritual yang bererti pemikiran atau kajian tentang proses mental dan pemikiran yang bersifat rohani dari perspektif agama Islam. Menurut Akbar Husain (2005) psikospiritual memberi penekanan terhadap bagaimana spiritualiti seseorang itu dikenal pasti dan ditingkatkan melalui jalan-jalan solat, tafakur, meditasi dan pelbagai teknik spiritual yang diangkat sebagai rawatan pemulihan. Pendefinisian ini menunjukkan agama menjadi medium dalam membentuk spiritual dan jati diri seseorang.

Kajian oleh Nurwahidah et.al (2013) mendapati remaja yang berada dalam aliran sekolah agama lebih mempunyai ciri-ciri personaliti psiko-spiritual berbanding pelajar sekolah sains dan teknikal. Personaliti psiko-spiritual tersebut adalah sifat amanah, ilmu dan ibadah. Perkara ini berlaku disebabkan lingkungan remaja yang diberi pendidikan dan pengajaran agama secara mendalam dan formal yang kemudian memberi kesan terhadap pembentukan personaliti psiko-spiritual mereka. Khairul Hamimah et.al (2014) menyatakan, modul psikospiritual terbina melalui pendekatan yang dilakukan kepada unsur roh, akal dan nafsu. Menurut beliau lagi konsep psikospiritual boleh disandarkan kepada tokoh-tokoh Islam awal antaranya Imam al-Ghazali dan Abu Talib al-Makki. Imam al-Ghazali menekankan roh sebagai elemen spiritual yang perlu dijaga dan dibersihkan kerana ia berkait dengan kesihatan dalaman manusia. Begitu juga pandangan al-Makki terhadap kaedah psikospiritual dengan pendekatan tasawuf yang berperanan dalam pencegahan, rawatan dan penyucian hati. Proses tersebut adalah melalui kaedah Maqamat yang digunakan oleh ahli sufi dalam merawat penyakit dalaman manusia. Tokoh sarjana Barat, David Benner telah mengetengahkan model psikospiritual yang merujuk kepada roh manusia dengan tidak mengasingkan aspek psikologi (akal) dan spiritual (roh dan nafsu) iaitu unsur dalaman (roh dan nafsu) yang membentuk personaliti seseorang manusia. Berdasarkan pengamatan isu dan kajian lalu dapat dirumuskan aspek psikologi dan kerohanian iaitu emosi dan spiritual seseorang jika dipelihara dan dimantapkan, memberi pengukuhan dan pemantapan terhadap rohani dan jati diri remaja. Kedua-dua unsur psikologi dan spiritual sewajarnya diberi perhatian secara saksama untuk mencapai pemulihan yang menyeluruh dan lebih kekal.

KESIMPULAN

Elemen psiko-spiritual khusus dalam menangani tingkah laku delinkuen adalah satu keperluan penting dalam melahirkan langkah intervensi yang holistik yang menimbang tara aspek emosi, spiritual dan psikologi remaja. Pengkajian terhadap bimbingan berorientasikan psikologi pada masa yang sama menekankan bimbingan berunsur spiritual menghasilkan satu kerangka psiko-spiritual yang mengambil kira pandangan konvensional dan Islam. Remaja delinkuen dengan pelbagai kesalahan salah laku dan moral bukan sahaja diberi bimbingan terhadap fitrah dan rohani mereka bahkan emosi dan psikologi mereka diberi perhatian. Ini kerana perbuatan melanggar peraturan dan norma moral adalah bertentangan dengan fitrah dan sifat semulajadi manusia yang inginkan kebahagiaan dan keamanan. Justeru spiritual remaja dibangunkan dan psikologi mereka dipupuk. Perkara ini membawa kepada penghasilan bimbingan dari sudut psiko-spiritual dalam menangani dan mengurus remaja dengan tingkah laku delinkuen. Kerangka bimbingan psiko-spiritual dapat menjadi panduan intervensi kepada sekolah, pusat pemulihan, rumah akhlak, pusat perlindungan remaja, dalam pengurusan akhlak dan tingkah laku delinkuen supaya dapat dikawal, dipandu dan dirawati menggunakan kaedah psikologi dan spiritual.

RUJUKAN

- Abdul Mujib & Jusuf Mudzakir. 2002. *Nuansa-Nuansa Psikologi Islam*. Jakarta: PT RajaGrafindo Persada
- Ahmad Yasser Mansyur. 2009. Membangun paradigma psikologi Islam: Di antara peluang dan cabaran. Dlm. Khaidzir Ismail, Jawiyah Dakir, Fariza Md Sham & Hanina Hamsan (pnyt.). *Psikologi Islam Falsafah, Teori dan Aplikasi*, hlm. 49-74. Bangi: Institut Islam Hadhari UKM

- Akbar Husain. (2005). *Spiritual Psychology*. New Delhi: Global Vision Publishing House
- Anon. (2015). *Statistik moral remaja kita*. Harian Metro, 11 Mac.
- Benner, David. G (2002). *Nurturing spiritual Growth*. Journal of Psychology and Theology 30/4: 355-361
- Beurah Tunggak, Shanah Ngadi & Hamimah Abu Naim. (2015). *Delinkuen pelajar dan cadangan penyelesaiannya menerusi model pembangunan sahsiah remaja/pelajar Muslim bersepadu*. Jurnal Hadhari 7 (2): 11-30
- Che Zarrina Sa'ari & Sharifah Basirah Syed Muhsin. 2012. *Cadangan model psikoterapi remaja Islam berdasarkan konsep tazkiyah a-nafs*. Jurnal Usuluddin 36: 49-74
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia. *Kajian Gejala Sosial di kalangan Belia Malaysia*. Retrieved Februari 16, 2018, from <https://www.ippbm.gov.my>
- Kamus Dewan. (2002). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). (2013). Hala Tuju Sektor Pembangunan Kemanusiaan. Unit Hal Ehwal Murid, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Khaidzir Ismail. (2011). *Masalah Juvenil*. Utusan Online, 27 Mac. Retrieved Januari 12, 2018
http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0203&sec=Bicara_Agama&pg=ba_03.htm#ixzz57AAiviVN
- Khairul Hamimah Mohamad Jodi, Mohd Afifuddin Mohamad & Azizi Che Seman. (2014). *Penerapan agama dalam modul psikospiritual dan kesannya terhadap kesihatan spiritual: Kajian kes di Kompleks Dar Assaadah Kuala Lumpur*. Jurnal Syariah 22 (1): 107-127
- Mohd Rushdan Mohd Jailani & Ahmad Bukhari Osman. (2015). Bab 11 Integrasi terapi psikospiritual Islam dalam modul rawatan dan rehabilitasi berdasarkan Tc Therapeutic Community. *Proceeding Prevent 2015 (International Drug Prevention And Rehabilitation Conference)*. Acreda, Universiti Sains Islam Malaysia. Retrieved Januari 12, 2018, from <http://ddms.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/14898?mode=full>
- Norruzeyati Che Mohd Nasir & Norzalinda Mohd Ali Hanafiah. (2015). *Faktor internal individu dan delinkuensi: Kajian ke atas remaja perempuan di asrama akhlak perempuan, Jitra*. Jurnal Pembangunan Sosial Jilid 18 (Jun): 185-202
- Nugent, Pam M.S. (2013). *Intervention*. Retrieved Januari 12, 2018, from <https://psychologydictionary.org/intervention/>
- Nurwahidah Ab Ghani, Nooraini Othman & Siti Norayu Mohd Basir. (2013). *Perbezaan personaliti psiko-spiritual dalam kalangan pelajar sekolah menengah di semenanjung Malaysia*. Journal of Human Development and Communication 2: 105-110
- Patonah Zakaria, Nobaya Ahmad & Amna Md Noor. Perkaitan antara hubungan kekeluargaan dan tingkah laku delinkuen remaja di Kuala Terengganu. Retrieved Februari 15, 2018, from www.ipsas.upm.edu.my/dokumen/IISS_067_patonah.pdf
- Smith, G. (2012). An introduction to psychological interventions. *Psychological Interventions in Mental Health Nursing*, 1-10.